

BAB II

NASKHAH HIKAYAT BAHRAM SYAH

2.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini akan menjurus pada maklumat-maklumat umum yang berkaitan dengan gambaran kondisi naskhah secara keseluruhan. Di samping itu, melalui bab ini juga dinyatakan tentang ciri-ciri kepengarangan dan gaya bahasa naskhah serta versi-versi yang tersimpan di tempat-tempat lain.

2.2 Deskripsi Naskhah

Semasa kajian ini dijalankan, naskhah HBS hanya tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden Belanda. Maklumat deskripsi naskhah diperoleh dari katalog di Perpustakaan Negara Malaysia. Setakat ini maklumat tentang naskhah tersebut hanya sebanyak itu sahaja kerana naskhah HBS tidak terdapat di universiti-universiti lain di luar dan dalam negara selain yang tersimpan di Universiti Leiden. Naskhah dalam bentuk mikrofilem yang tersimpan di perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur juga diperoleh oleh DBP dari Oriental Manuscript of Leiden.

Deskripsi naskhah dijelaskan seperti berikut:

HBS – MK 1270

Oriental Manuscript of Leiden

Naskhah dalam bentuk mikrofilem ini tersimpan di Perpustakaan DBP Kuala Lumpur. Bahan ini dibeli oleh DBP dari University of Leiden.

Cod. Or. 3317
Hikayat Bahram Syah – 1269 T.H
172 halaman; 21 X 17 cm
Teks dalam Jawi

Cod. Or. 6058
Hikayat Bahram Syah I – 1270 T.H
64 halaman; 17 X 11 cm
Teks dalam Jawi

Cod. Or. 6081
Hikayat Bahram Syah II
Teks dalam Rumi

Cod. Or. 6071 A
Hikayat Bahram Syah III
80 halaman; 17 X 11 cm

Cod. Or. 3371, 6058, 6081 dan 6071 A
Rujukan ini diperoleh daripada Perpustakaan Negara Malaysia.
Bahan-bahan tersebut tersimpan di University of Leiden.

Hikajat Bahram Sjah I
6058. 8. 64 bl.
Goed exemplaar van het verhaal, welks inhoud is medege deeld in
den catal. der HSS. te Leiden, bl. 177 en 178.
Datum: 9 Safar 1270

Hikajat Bahram Sjah II
6081. Latijnsch Schrift Volledig exemplaar de eerste bladzijden zijn
vergeleken met codex 3317, cat. Bl. 176

Hikajat Bahram Sjah III
6071 A. 8. 80 bl.
Vrij goed handschrift van hezelfde verhaal

Maklumat tentang Hikajat Bahram Sjah I, II dan III di atas diperoleh
dalam *Supplement – Catalogus der Maleische En Minangkabausche
Handschriften In de Leidsche Universiteits Bibliotheek* oleh Ronkel, Van S.
(Z 6621 L 68 M2) di Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya KL

2.3 Sinopsis

Jalanan plot dan struktur cerita HBS ini didapati begitu unik serta mempunyai keistimewaannya yang tersendiri jika dibandingkan dengan hikayat-hikayat lain. Justeru itu, untuk memudahkan proses penghayatan, maka struktur cerita dalam bentuk sinopsis, dari awal hingga akhir dibahagi mengikut bab.

Bab 1: Negeri Padang Silalatan diperintah oleh Sultan Maharaja Besar. Baginda mempunyai tiga orang putera yang bernama Gha'syah, 'Asyah dan Bahram Syah. Pada suatu malam baginda telah bermimpi didatangi oleh seorang wali Allah. Wali Allah tersebut telah memerihalkan tentang burung yang bernama Merah Jalin, milik Puteri Ambaru Ambara, anak Tuanku Marahinda Sultan Jalil yang memerintah Negeri Gustu Gusta. Atas keperihatinan Bahram Syah, kedua-dua saudaranya bersetuju untuk keluar mengembara untuk mencari burung yang sangat dicitakan oleh ayahanda mereka itu.

Bab 2: Setelah siap semua kelengkapan yang diperlukan dan dengan diiringi oleh Selamat, mereka bertigapun memulakan perjalanan. Dua belas hari kemudian, mereka pun sampai di sebuah balairung dan berhampiran balai itu terdapat sebuah perigi. Pada waktu Bahram Syah berbaring-baring di atas balai itu, dia terpandang segulung surat terselit pada atap balai tersebut. Kandungan surat itu menyatakan bahawa terdapat jalan yang mempunyai tiga simpang. Sesiapa yang mengikut simpang kanan, dia akan selamat pergi dan kembali. Begitu juga dengan simpang yang tengah. Akan tetapi simpang kiri yang bernama jalan Wallahu A'lam, tiada dapat ditentukan kesudahannya. Selepas itu, mereka bertiga berbincang untuk membuat pilihan masing-masing. Akhirnya, ternyata

Bahram Syahlah yang terpaksa melalui simpang yang kiri. Mereka pun berpisah dan mengikut hala masing-masing.

Bab 3: Gha'syah yang memilih simpang kanan pun meneruskan perjalanannya. Akhirnya dia sampai di Negeri Olak Pasir Teluk Embun yang diperintah oleh Tuanku Baginda Raja. Setelah menceritakan tujuan perjalanannya kepada baginda Raja, Gha'syah dipelawa tinggal di negeri itu sementara menunggu khabar tentang Negeri Gustu Gusta daripada kapal-kapal yang singgah di situ. Semasa tinggal di negeri itu, Gha'syah asyik menghabiskan masanya dengan bermain catur sahaja. Akhirnya, dia jatuh miskin dan di suruh menjadi gembala lembu, kerbau, kambing, biri-biri, itik dan angsa.

Bab 4: Sementara itu, 'Asyah yang mengikut simpang tengah telah sampai di Negeri Taman Ghairat yang diperintah oleh Raja Hangat Garang. Seperti Gha'syah juga, 'Asyah yang tinggal di negeri itu telah menghabiskan masanya sehari-harian dengan bertaruh, sehingga habis hartanya. Dia kemudiannya dijadikan hamba, mencari rumput untuk makanan kuda.

Bab 5: Beralih pula pada Bahram Syah yang terpaksa menempuh simpang kiri, sebelum meneruskan perjalanannya dia telah menyuruh Selamat pulang ke Negeri Padang Silalatan. Setelah jauh berjalan Bahram Syah bertemu sepohon limau manis yang berbuah hanya sebiji sahaja. Buah limau itu diambalnya, dikupas lalu dimakannya. Limau yang hanya empat ulas sahaja itu mempunyai empat rasa yang berlainan. Ulas pertama pahit rasanya, ulas kedua pula terlalu masam, manakala ulas ketiga dan keempat, masing-

masing manis dan lemak rasanya. Bahram Syah meneruskan perjalanannya lalu bertemu dengan perigi tiga sederet. Perigi kanan dan kiri penuh airnya, manakala perigi yang di tengah itu kering kontang. Akan tetapi apabila perigi yang di kanan dan kiri melimpahkan airnya, maka perigi yang di tengah itupun beroleh airlah. Tidak berapa lama kemudian, Bahram Syah bertemu pula dengan sekumpulan orang yang menggali lurah dan tanahnya ditambak ke atas bukit. Dalam perjalanan seterusnya Bahram Syah bertemu sebuah kubangan di tengah padang. Kubangan itu berombak-ombak dan apabila ombak itu memecah, kedengaranlah bunyi seperti taufan. Bahram Syah berjalan lagi lalu bertemu padang rumput yang subur tetapi kerbau-kerbau yang berkeliaran kelihatan kurus-kurus belaka. Kemudian Bahram Syah sampai pula di padang rumput yang tidak berapa banyak rumputnya tetapi kerbau-kerbau yang mencari makan di situ kelihatan gemuk-gemuk belaka. Selepas itu, Bahram Syah berselisih dengan seorang perempuan yang cantik. Walaupun masing-masing mempunyai keinginan untuk bertegur sapa, tetapi kerana ada perasaan malu maka masing-masing pun diam sahaja. Dalam perjalanan seterusnya Bahram Syah telah bertemu seorang hamba Allah dalam banir sepohon kayu dan tumpuan pandangan orang itu adalah ke arah sesuatu. Setelah mengetahui bahawa hamba Allah itu ialah Malak al-maut, Bahram Syah pun bertanyakan tentang usianya dan juga tentang bagaimana caranya untuk pergi ke Negeri Gustu Gusta. Selepas itu Bahram Syah meneruskan perjalanannya lalu sampai di sebuah kota yang didiami oleh Puteri Andam Dewi, isteri Raja Jin yang bernama Degar Kilat. Bahram Syah berjaya membunuh Degar Kilat dan memperoleh gemala ratna suri miliknya. Dengan gemala ratna suri dan tiga helai rambut Raja Jin itu, Bahram Syah meneruskan lagi perjalanannya. Beberapa lama kemudian dia tiba di suatu tempat berpasir lalu berteduh di

bawah sepohon kayu. Dia tertidur dan bermimpi didatangi oleh ayahandanya. Baginda berpesan agar Bahram Syah tidak lalai dan menjaga keselamatan dirinya. Apabila terjaga Bahram Syah pun meneruskan perjalanannya lalu menuju ke arah sepohon kayu yang besar dan berteduh di bawahnya.

Bab 6: Tasik Pauh Jingga didiami oleh seekor naga. Berhampiran tasik tersebut terdapat sepohon kayu yang besar, tempat garuda dan dua ekor anaknya bersarang. Pada ketika garuda keluar mencari makan, naga tersebut meluncur ke atas pohon hendak memakan anak-anak garuda itu. Melihat keadaan itu, Bahram Syah pun membunuh naga tersebut. Setelah itu badan naga itu dipenggalnya kecil-kecil lalu diberikannya kepada anak-anak garuda itu. Oleh sebab terlalu kenyang, anak-anak garuda itupun tertidur. Apabila garuda pulang didapatinya sarangnya senyap sahaja dan disangkanya anak-anaknya sudah mati. Sangkaan itu tidak benar dan hatinya gembira apabila mendengar cerita anak-anaknya bahawa naga itu telah dibunuh oleh seorang manusia. Garuda akhirnya telah mengambil Bahram Syah sebagai anak angkatnya dan bersetuju membawanya ke Negeri Gustu Gusta.

Bab 7: Setelah siap segala bekalan, garuda itupun menerbangkan Bahram Syah ke Negeri Gustu Gusta. Apabila sudah hampir sampai di Negeri Gustu Gusta, bekalan pun habis, Bahram Syah terpaksa menghiris daging betisnya untuk makanan garuda itu. Oleh yang demikian apabila tiba di negeri itu, Bahram Syah tidak berdaya untuk berjalan, lalu menyatakan apa yang sebenarnya telah berlaku kepada garuda itu. Garuda telah

memuntahkan segala isi perutnya dan mencari daging betis Bahram Syah lalu dikembalikan semula seperti sedia kala.

Bab 8: Garuda meninggalkan Bahram Syah dan kembali semula ke tempatnya. Sementara itu, Bahram Syah pula berjalan dan akhirnya sampai di rumah Nenek Kebayan. Nenek Kebayan telah menjadikan Bahram Syah anak angkatnya. Sewaktu tinggal di situ Bahram Syah telah mengarang bunga untuk dijual ke dalam kota. Sebelum pergi nenek telah menukar pakaian Bahram Syah seperti seorang hamba dan diberi nama Keling Kacateri Benua Arab. Apabila tiba di istana, Bahram Syah pun meminta kebenaran untuk berkata-kata dengan burung Merah Jalin milik Puteri Ambaru Ambara tersebut. Akhirnya, Bahram Syah dapat berkata-kata dengan burung itu. Dia juga berjaya membeli burung itu dengan gemala ratna suri yang dibawanya itu. Setelah mengenali diri Bahram Syah, baginda sultan bersetuju untuk mengahwinkan Bahram Syah dengan puterinya. Walau bagaimanapun, Bahram Syah hendak pulang ke negerinya terlebih dahulu dan berjanji akan datang semula selepas tujuh tahun. Sebelum pulang Bahram Syah telah meminta Nenek Kebayan berkahwin dengan Perdana Menteri. Garuda telah datang lalu membawa Bahram Syah terbang semula ke sarangnya.

Bab 9: Selepas itu, Bahram Syahpun berjalan menuju ke kota tempat Puteri Andam Dewi ditinggalkan dahulu. Setelah bersiap-siap mereka berduapun berjalanlah. Tidak berapa lama kemudian merekapun sampai di Negeri Taman Ghairat dan bertemu dengan 'Asyah. Setelah menebus saudaranya itu, merekapun meneruskan perjalanan hingga sampai pula di Negeri Olak Pasir Teluk Embun dan bertemu dengan Gha'syah. Setelah

Gha'syah ditebus merekapun berjalan menuju balairung tempat mula-mula mereka Sampai dahulu. Sewaktu berhenti di situ Gha'syah dan 'Asyah yang menyangka bahawa Puteri Andam Dewi itu ialah Puteri Ambaru Ambara telah merancang untuk membunuh Bahram Syah. Mereka telah menolak Bahram Syah ke dalam perigi dan selepas itu membawa puteri dan burung itu pulang ke Negeri Padang Silalatan. Apabila tiba di istana merekapun berpura-pura sedih atas kehilangan Bahram Syah. Sementara itu, puteri dan burung itu tidak mahu berkata-kata seperti biasa.

Bab 10: Bahram Syah yang ditolak ke dalam perigi itu telah diselamatkan oleh Raja Kerajaan Tengah Hari dari Negeri Pauh Kembal. Bujang Selamat yang mengeluarkan Bahram Syah dari dalam perigi itu telah dianugerahkan gelaran Maharajalela. Bahram Syah telah dibawa pulang ke Negeri Pauh Kembal dan dijadikan raja serta bergelar Tuanku Raja Muda. Tidak berapa lama kemudian Raja Kerajaan Tengah Hari pun mangkat, lepas itu diikuti pula oleh isterinya. Semua harta peninggalan baginda telah disedekahkan oleh Raja Muda dan Maharajalela kepada rakyat jelata. Akhirnya, mereka berdua tidak mempunyai apa-apa lagi. Pada suatu hari Bahram Syah telah menyuruh Maharajalela menjual ayam untuk membeli keperluan bagi mengadakan kenduri. Maharajalela pun menjual ayam itu kepada Turani penjual rempah. Pada waktu Maharajalela ke pekan, Bahram Syah telah tertidur dan bermimpi didatangi oleh ayah angkatnya, Raja kerajaan Tengah Hari. Baginda menyatakan bahawa dalam perut ayam yang dijual itu ada sebetuk cincin sakti. Apabila terjaga Bahram Syah menyuruh Maharajalela mengambil semula ayam yang telah dijualnya tadi. Pada masa menyang ayam itu cincin itupun ditemui. Bahram Syah mengambil dan menyimpannya. Sebelum

meneruskan perjalanannya, Bahram Syah telah menggunakan kesaktian cincin tersebut lalu membangunkan kota Kerajaan Pauh Kernal dan melantik Maharajalela sebagai raja.

Bab 11: Bahram Syah telah menyamar sebagai seorang Haji Arab dan berjalan ke Negeri Padang Silalatan lalu ke istana. Apabila puteri dan burung melihat Haji Arab itu, mereka seolah-olah mahu berkata-kata. Haji Arab itu telah meminta diri untuk pulang bersembahyang. Beberapa lama kemudian Bahram Syah telah mengembalikan rupa asalnya dan berjalan pulang ke istana. Kepulangan Bahram Syah disambut gembira oleh ayahnya. Manakala Gha'syah dan 'Asyah telah melarikan diri kerana ketakutan. Selepas itu, sultan dan rakyat jelata telah menyaksikan kesaktian burung Merah Jalin itu. Bahram Syah pula telah menceritakan segala yang berlaku ke atas dirinya dari awal hingga ke akhir kepada semua yang hadir. Bahram Syah telah memaafkan kedua-dua saudaranya. Gha'syah kemudiannya telah berkahwin dengan Puteri Sikandar Bayang-Bayang, anak Raja Teluk Embun dan 'Asyah pula berkahwin dengan Puteri Andam Dewi. Manakala Bahram Syah bersiap-siap menunggu kedatangan garuda untuk membawanya ke Negeri Gustu Gusta.

Bab 12: Bahram Syah diterbangkan oleh garuda ke sarangnya. Setelah siap semua bekalan, merekapun terbanglah ke Negeri Gustu Gusta. Setelah meninggalkan Bahram Syah di taman Nenek Kebayan, garuda dan anak-anaknya pun pulang semula ke tempat mereka. Nenek Kebayan gembira menerima kepulangan Bahram Syah. Berita itu pun di sampaikan kepada sultan dan rakyat jelata disuruh bersiap sedia untuk mengadakan majlis perkahwinan Bahram Syah dengan Puteri Ambaru Ambara.

Bab 13: Sementara itu, semua raja dan penghulu telah bermuafakat untuk menganiaya Bahram Syah supaya tidak dapat berkahwin dengan Puteri Ambaru Ambara. Sultan terpaksa akur terhadap kehendak mereka. Mula-mula mereka telah meminta Bahram Syah membuat pelang emas. Kemudian disuruh pula membuat rangking emas. Selepas itu, disuruh menyelimuti Gunung Awan Berjulung dan akhirnya diminta membina sebuah kota yang lengkap dengan segala-galanya. Dengan cincin saktinya, Bahram Syah berjaya mengadakan semua permintaan itu. Akhirnya, semua raja dan penghulu itu mengaku kalah dan memohon maaf. Selepas itu, berlangsunglah majlis perkahwinan Bahram Syah dengan Puteri Ambaru Ambara.

Bab 14: Selang beberapa lama kemudian Puteri Ambaru Ambara pun hamil dan mengidam hendak makan pelanduk jantan yang bunting. Bahram Syahpun keluar berburu dan sebelum itu dia telah menyuruh Turani menjaga kota. Sepeninggalannya, Turani yang berketurunan jin itu telah memperdaya Puteri Ambaru Ambara dan berjaya memperoleh cincin sakti Bahram Syah. Dengan cincin itu Turani telah mendirikan negeri Pulau Siranjang Petanggangan. Dalam pada itu Tuan Puteri Ambaru Ambara telah selamat melahirkan seorang anak lelaki, tetapi sesiapaapun tidak dibenarkan oleh Turani masuk ke kota untuk melihatnya. Sementara itu, Bahram Syah yang berburu dalam hutan telah tertidur di bawah sepohon kayu. Dia telah bermimpi didatangi oleh ayahandanya yang menyatakan bahawa tidak akan ditemuinya pelanduk jantan bunting kerana pelanduk betina sahaja yang bunting. Baginda juga telah memberitahu Bahram Syah bahawa isterinya telah selamat melahirkan seorang anak lelaki. Selain itu, dia

diberitahu yang cincinnya telah dicuri oleh Turani dan kini Turani telah mendirikan kerajaan di Pulau Siranjang Petanggangan. Baginda menyuruh Bahram Syah bersahabat dengan binatang kerana mereka akan menolongnya. Bahram Syah terjaga dan terjumpa seekor kijang bunting lalu dibawanya pulang. Akan tetapi apabila sampai di pintu kota dia tidak dibenarkan masuk kerana rupanya telah diubah-ubah oleh Turani. Oleh itu, dia sudah tidak dikenali walaupun oleh isterinya sendiri.

Bab 15: Bahram Syah pun beredar dari situ dan akhirnya sampai di sebuah barung-barung. Sewaktu berbaring-baring di situ Bahram Syah terlihat seekor anjing kurus lalu diajaknya menjadi sahabat. Tidak lama kemudian anjing itupun sihat dan gemuk. Mereka berjalan dan sampai di halaman sebuah rumah usang lalu bertemu seekor kucing kurus. Kucing itu diajak menjadi sahabat dan dipelihara sehingga gemuk. Selepas itu Bahram Syah bersama-sama dua sahabatnya itu terus berjalan hingga sampai pula di sebuah rumah lama yang ditinggalkan. Di situ Bahram Syah bertemu seekor tikus lalu diajaknya menjadi sahabat.

Bab 16: Bahram Syah dengan tiga sahabatnya itupun meneruskan perjalanan dan akhirnya sampai di Sungai Rendang yang diperintah oleh Tuanku Malinggar Alam. Baginda telah mengambil Bahram Syah menjadi anak angkatnya lalu dikahwinkan dengan Tuan Puteri Kesumba Air Mawar, anak Raja Pukat. Pada suatu hari selepas memberi sahabat-sahabatnya makan, Bahram Syahpun berbaring-baring di bawah pohon kayu sambil mengenangkan untung nasibnya. Keluhan itu telah didengar oleh sahabat-sahabatnya lalu merekapun bermuafakat untuk menolong Bahram Syah. Tanpa

pengetahuan Bahram Syah, ketiga-tiga sahabatnya itu telah berenang ke istana Turani. Setelah menempuh pelbagai halangan, ketiga-tiga sahabatnya itu telah berjaya mendapatkan semula cincinnya itu. Akan tetapi sewaktu berenang pulang, anjing yang membawa cincin itu telah lemas dipukul ombak dan cincin itu telah terjatuh ke dalam laut. Apabila sampai di darat, ketiga-tiga mereka amat dukacita kerana hajat untuk membalas jasa Bahram Syah tidak kesampalan. Sementara itu, pula Bahram Syah juga berdukacita kerana didapatinya ketiga-tiga sahabatnya sudah tiada. Setelah puas mencari akhirnya bertemulah dengan mereka yang sedang bertangis-tangisan itu. Ketiga-tiga mereka telah menceritakan segala-galanya kepada Bahram Syah.

Hab 17 Pada suatu hari selepas memberi sahabat-sahabatnya makan, Bahram Syah pergi ke tempat orang memukat ikan. Bahram Syah telah memilih seekor ikan kapas-kapas lalu dibawa pulang dan disuruhnya panggang. Pada waktu menyiang ikan itu, Puteri Kesumba Air Mawar telah terjumpa sebutir batu keras dalam perut ikan itu lalu diberikannya kepada Bahram Syah. Setelah membersihkan batu itu, tahulah Bahram Syah bahawa itulah cincin yang dicuri oleh Turani dulu. Selang berapa lama kemudian, Bahram Syah memohon kepada Tuanku Malinggar Alam untuk pulang ke istananya. Dengan cincin sakti itu Bahram Syah telah melenyapkan negeri Turani dan semuanya kembali seperti sedia kala. Akhirnya Bahram Syah sampai ke istananya dan bertemu anak isterinya. Tidak lama selepas itu, Puteri Ambaru Ambara hamil pula. Apabila tiba masanya maka puteri itu pun melahirkan seorang lagi anak lelaki yang diberi nama Nadhir Syah. Pada suatu hari Bahram Syah teringat untuk pulang ke negerinya. Sebelum berangkat pulang, takhta kerajaan diserahkan kepada putera sulungnya yang bergelar

Sultan Mangindera Alam. Setelah itu apabila garuda sampai, berangkatlah Bahram Syah dengan isteri, anak dan sahabat-sahabatnya ke Negeri Padang Silalatan.

Bab 18: Apabila sampai di Negeri Padang Silalatan, mereka disambut dengan meriahnya. Bahram Syah telah mendirikan negeri berhampiran kota negerinya yang dahulu lalu diperintah oleh Nadhir Syah yang memakai gelaran Sultan Sikandar Alam.

2.4 Kondisi Naskhah

2.4.1 Bilangan Baris

HBS ini mengandungi 167 muka surat. Halaman 1 hingga 165 mengandungi 17 baris setiap muka surat. Halaman 166 mengandungi 18 baris dan halaman 167 hanya 3 baris, yang akhirnya membawa jumlah 2826 kesemuanya.

2.4.2 Bilangan Perkataan

Bilangan perkataan dalam setiap baris ialah antara 9 hingga 14 perkataan, kecuali halaman 166 yang agak unik susunannya. Halaman yang mengandungi 18 baris ini berbentuk 'V' dan bilangan perkataan dalam setiap baris ialah antara 1 hingga 13 perkataan. Manakala halaman 167 mengandungi 3 baris dan merupakan penutup hikayat ini.

2.4.3 Saiz/Bentuk Huruf

Saiz tulisannya besar, jelas dan mudah dibaca walaupun jarak di antara perkataan dalam satu baris kelihatan agak rapat. Yang dapat dilihat dengan ketara ialah titik pada huruf 'ga', ada kalanya terletak di atas (گَا), ada kalanya terletak di bawah (گَا) dan kerap pula titiknya tidak kelihatan (ك).

2.4.4 Ejaan

Menyentuh tentang sistem ejaannya, terdapat perkataan yang sama ejaan tetapi lain bunyi dan maksudnya. Contohnya, (قَدْرَاغ) mendukung dua bunyi dan makna yang berbeza. Dalam konteks pertama, (قَدْرَاغ) disebut 'pedang' dan dalam konteks kedua sebagai 'padang'. Sepatutnya dalam sistem ejaan sekarang, 'padang' dieja (فَاْدْرَاغ) manakala 'pedang' dieja (قَدْرَاغ). Seterusnya diperturunkan bentuk-bentuk ejaan yang digunakan dalam naskhah ini:

2.4.4.1 Ejaan yang tidak selaras

Ayam	dieja	(اِيْم)	(دَسَائِيْم)
Hangat	dieja	(اَحْوَاك)	(دَسَاكَاة)
Atap	dieja	(اَتْف)	(دَسَاكَاة)
Memacu	dieja	(مَعُوْبِيْر)	(مَعُوْبِيْر)
Garang	dieja	(كَدْرَاغ)	(كَدْرَاغ)
Kebun	dieja	(كَبُوْن)	(كَابُوْن)
Kami	dieja	(كَدِيْب)	(كَادِيْب)

2.4.4.2 Ejaan yang sama membawa makna yang berbeza

Kami	Kamu	dieja (كاسم)
Padang	Pedang	dieja (فراغ)

2.4.4.3 Penambahan huruf 'ya' (ي)

Pegang	dieja	(فديك)
Pelang	dieja	(فولة)
Syahadan	dieja	(سديان)
Segera	dieja	(سكيرا)
Tanaman	dieja	(تيمان)
Tersentuh	dieja	(ترسنتوه)

2.4.4.4 Penambahan huruf 'alif' (ا)

Tengah	dieja	(تاعا)
Dengan	dieja	(ذاعا)
Menang	dieja	(صذاة)
Kebun	dieja	(كعبونا)

2.4.4.5 Penggunaan perkataan-perkataan tertentu

Buni (بوندي) = bunyi

Mungkin	(ميڠكين)	=	makin
Salang	(سالڠ)	=	sedangkan

2.5 Gaya Bahasa

Secara keseluruhan didapati gaya bahasa yang digunakan begitu beraneka kerana terdapat penggunaan pelbagai kata dialek/loghat daerah dalam nakhah ini. Dalam proses penelitian, dapat dirumuskan bahawa cerita ini asalnya disampaikan secara lisan dan penceritanya pula bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Besar kemungkinan dalam proses bercerita, pencerita menokok-tambah perkataan tertentu mengikut selera dan kefahaman pendengar tempat cerita itu diceritakan. Oleh yang demikian maka terdapat penggunaan perkataan seperti 'salang' (سالڠ) yang digunakan dalam dialek Minangkabau. Selain itu terdapat perkataan 'tembun' yang digunakan dalam dialek Kedah. Menyentuh tentang ayat, didapati struktur ayat dalam HBS ini terikat dengan gaya bahasa klasik . Ayatnya panjang-panjang dan pembaca harus bijak mencari hentian sementara dan noktahnya supaya maksud cerita yang hendak disampaikan dapat difahami dengan jelas. Walau bagaimanapun dalam proses pentransliterasian, segala kekaburan yang berkaitan dengan perkataan dan ayat telah dapat diatasi tanpa mengubah jalan cerita sebenar.

2.6 Kesimpulan

Dapat dikatakan di sini bahawa HBS banyak menggunakan perkataan-perkataan klasik yang semakin tidak dikenali oleh generasi sekarang. Justeru itu, diharapkan naskhah yang telah ditransliterasi ini dapat memberi peluang dan kesempatan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian dari aspek morfologi dan sintaksis yang begitu menarik dalam HBS ini.